



# **FRASER & NEAVE HOLDINGS BHD**

(No. Kumpulan 4205-V)

Versi 3.0

---

## **KOD AMALAN PERNIAGAAN BAGI PIHAK KETIGA (PEMBEKAL)**

---

## Kandungan

1.	KENYATAAN POLISI.....	3
2.	SKOP .....	3
3.	ANTI-RASUAH DAN ANTI-KORUPSI.....	3
4.	HADIAH, HIBURAN, DERMA, TAJAAN DAN SUMBANGAN POLITIK .....	4
5.	BAYARAN PEMUDAHAN DAN BERURUSAN DENGAN KERAJAAN.....	4
6.	KONFLIK KEPENTINGAN.....	5
7.	KOMUNIKASI .....	5
8.	PESAING.....	5
9.	MAKLUMAT SULIT.....	6
10.	PEMBERIAN MAKLUMAT .....	6
11.	INTERAKSI DENGAN PELANGGAN DAN MEDIA .....	7
12.	KETIDAKPATUHAN DAN SIASATAN .....	7
13.	KEMAMPANAN PERNIAGAAN MELALUI KOD AMALAN PEMBEKAL (SCOP).....	7
14.	PEMATUHAN KEPADA KEPERLUAN KESELAMATAN MAKANAN SEMASA PEMBEKALAN BARANGAN DAN/ATAU PERKHIDMATAN KE DALAM PREMIS- PREMIS F&N.....	9
15.	SEMAKAN DAN PINDAAN .....	9
	LAMPIRAN 1 .....	10

## 1. KENYATAAN POLISI

- 1.1 Sejak pertubuhan pada tahun 1883, amalan-amalan Fraser & Neave Holdings Berhad dan kesemua anak syarikatnya (secara kolektifnya, "**Syarikat**") telah diterapkan dengan aspek integriti, kejujuran, pengurusan yang adil dan kepatuhan sepenuhnya akan undang-undang sedia ada atau yang berkaitan. Selaras dengan aspek-aspek yang telah diterapkan, Syarikat mengambil pendekatan toleransi sifar kepada semua bentuk rasuah dan berkomited untuk mematuhi kesemua undang-undang berkenaan dengan anti-rasuah.
- 1.2 Mana-mana individu yang berkaitan dengan Syarikat, termasuklah tetapi tidak terhad kepada mana-mana pihak ketiga, syarikat induk pembekal, bersekutu, anak syarikat, pembekal perkhidmatan, kontraktor, konsultan dan ejen-ejen ("**Sekutu Perniagaan**"), akan berpandukan Kod Amalan Perniagaan Bagi Pihak Ketiga (Pembekal) ("**Kod**") dalam semua urusan dan aktiviti perniagaan dengan Syarikat. Syarikat tidak akan bertolak ansur dengan amalan tidak mematuhi Kod ini dan/atau undang-undang serta akta-akta yang sedia ada.
- 1.3 Sila ambil maklum bahawa Kod ini tidak memperuntukkan amalan atau polisi yang tertentu dan terperinci untuk setiap jenis senario yang mungkin dialami oleh Sekutu Perniagaan. Oleh yang demikian, Kod ini bukanlah satu penggantian bagi penilaian dan pengendalian perniagaan secara wajar yang seharusnya dibuat oleh Sekutu Perniagaan sendiri.

## 2. SKOP

- 2.1 Kod ini boleh digunapakai oleh semua Sekutu Perniagaan yang membekalkan sebarang bentuk kerja, produk, barangan, peralatan, bahan, perkhidmatan/ servis atau bertindak untuk atau bagi Pihak Syarikat termasuklah tetapi tidak terhad kepada pekerja-pekerja, rakan sekutu atau mana-mana pihak ketiga lain atau subkontraktor yang telah dilantik oleh Sekutu Perniagaan untuk melaksanakan perkhidmatan, menyediakan produk, bertindak untuk atau bagi pihak Syarikat (secara kolektifnya, "**Personel**").
- 2.2 Kod ini bertujuan untuk menjadi panduan tambahan dan sepatutnya dibaca sejajar dengan Dasar Anti-Rasuah Syarikat atau lebih dikenali sebagai *Anti-Bribery and Anti-Corruption Policy*.
- 2.3 Bagi mengelakkan keraguan, Kod ini boleh diaplikasikan kepada semua anak syarikat dan syarikat berkaitan dengan Fraser & Neave Holdings Berhad.

## 3. ANTI-RASUAH DAN ANTI-KORUPSI

- 3.1 Seajar dengan komitmen Syarikat terhadap anti-rasuah dan anti-korupsi, Syarikat telah mewujudkan sistem pengurusan anti-rasuah (*anti-bribery and anti-corruption management system* atau "**ABCMS**") bagi penyelarasan dan pengurusan unsur-unsur, polisi, objektif dan proses berhubung dengan risiko rasuah dan korupsi dalam Syarikat. Semua Sekutu Perniagaan dan Personelnya diwajibkan mematuhi ABCMS dan juga mana-mana undang-undang yang boleh digunapakai berhubung dengan anti-rasuah dan anti-korupsi.
- 3.2 Selaras dengan yang disebut di atas, adalah menjadi tugas semua Sekutu Perniagaan untuk membuat semakan dan penilaian berkala untuk memahami risiko rasuah dan korupsi dan bagi memastikan bahawa Sekutu Perniagaan mempunyai prosedur yang mencukupi untuk menangani risiko sedemikian dan prosedur tersebut adalah sentiasa dikemaskinikan dan kekal efisien dan efektif.
- 3.3 Adalah diwajibkan bagi semua Sekutu Perniagaan untuk melaporkan dengan segera akan sebarang perbuatan rasuah atau korupsi yang nyata dan/atau disyaki kepada Syarikat agar Syarikat boleh menyasat dan mengambil tindakan yang sesuai terhadap pelaku-pelaku. Semua Sekutu Perniagaan adalah disarankan daripada tidak:
  - a) Mendedahkan perkara tersebut kepada mana-mana orang melainkan secara khusus, diarahkan atau diberi sepenuh kuasa untuk berbuat demikian oleh ahli pasukan siasatan; dan
  - b) Menyasat atau menentukan fakta-fakta sendiri.

- 3.4 Sekutu Perniagaan mesti bekerjasama dengan pihak penyiasatan dan memberikan maklumat yang tepat dan benar. Sekutu Perniagaan tidak boleh mendedahkan atau membincangkan fakta berkaitan dengan siasatan yang sedang dijalankan atau telah dijalankan dan juga tidak boleh mendedahkan keputusan siasatan kepada sesiapa sahaja kecuali jika diperlukan oleh undang-undang, oleh pekerja-pekerja Syarikat atau agensi penguatkuasaan undang-undang yang memerlukan maklumat bagi melaksanakan tugas mereka.

#### **4. HADIAH, HIBURAN, DERMA, TAJAAN DAN SUMBANGAN POLITIK**

##### Hadiah dan Hiburan

- 4.1 Secara lazimnya, Syarikat mengamalkan "polisi tiada hadiah". Melainkan bagi pengecualian terhadap yang dinyatakan dalam Dasar Anti-Rasuah Syarikat, semua pekerja Syarikat adalah dilarang daripada menerima dan/atau menawarkan sebarang suapan atau gratifikasi ketara atau tidak ketara dalam bentuk hadiah, perkhidmatan, wang tunai, harta, pakej percutian dan hiburan ("**Gratifikasi**") sama ada secara langsung atau tidak langsung, dan mesti dengan serta merta menolak dan/atau mengembalikan hadiah-hadiah sedemikian.
- 4.2 Walaupun pemberian Gratifikasi minimal merupakan satu amalan biasa bagi membina dan memupuk hubungan perniagaan, namun sekiranya diterima, semua Gratifikasi mestilah tidak berpunca daripada permintaan dan mestilah tidak boleh dianggap sebagai suatu bentuk rasuah.
- 4.3 Melainkan arahan bertulis yang diperolehi daripada Syarikat, Sekutu Perniagaan adalah dilarang sama sekali daripada menyediakan sebarang Gratifikasi untuk dan bagi pihak Syarikat.
- 4.4 Semua Gratifikasi yang ditawarkan dan diterima mestilah tidak melebihi nilai RM 50.

##### Derma dan Tajaan

- 4.5 Melainkan arahan bertulis diperolehi daripada Syarikat, Sekutu Perniagaan adalah tidak dibenarkan sama sekali untuk membuat sebarang derma atau tajaan kepada mana-mana pihak ketiga bagi pihak Syarikat.

##### Sumbangan Politik

- 4.6 Sekutu Perniagaan adalah tidak dibenarkan sama sekali untuk membuat apa-apa sumbangan politik bagi pihak Syarikat.

#### **5. BAYARAN PEMUDAHAN DAN BERURUSAN DENGAN KERAJAAN**

##### Bayaran Pemudahan

- 5.1 Di bawah apa jua keadaan, Sekutu Perniagaan adalah tidak dibenarkan untuk membuat sebarang bayaran pemudahan untuk dan bagi pihak Syarikat. "Bayaran Pemudahan", selalunya dirujuk sebagai "Duit Kopi" adalah pembayaran yang menyalahi undang-undang atau tidak rasmi yang dibuat sebagai balasan atau ganjaran atas perkhidmatan yang harus diterima oleh pembayar secara sah, tanpa melakukan pembayaran tersebut.

##### Berurusan dengan Penjawat Awam

- 5.2 Sekutu Perniagaan hendaklah membuat pengakuan jika terdapat apa-apa hubungan, urusan atau interaksi yang sedia ada atau berkemungkinan ada dengan penjawat awam dan/atau sedang terlibat dalam projek kerajaan.
- 5.3 Sekiranya Sekutu Perniagaan dikehendaki berurusan atau berinteraksi dengan penjawat awam bagi pihak Syarikat, Sekutu Perniagaan hendaklah bertanggungjawab untuk mengetahui dan mematuhi kesemua undang-undang dan peraturan yang sedia ada/ berkenaan.

- 5.4 Sekutu Perniagaan haruslah bekerjasama dengan permintaan yang munasabah daripada agensi dan pengawal atur kerajaan bagi mendapatkan maklumat serta mendapatkan nasihat daripada bahagian-bahagian yang berkenaan dalam Syarikat sebelum menjawab apa-apa permintaan bukan rutin.
- 5.5 Semua maklumat yang diberikan mestilah tepat dan benar.
- 5.6 Sekutu Perniagaan tidak dibenarkan mengubah atau memusnahkan mana-mana dokumen atau rekod ketika siasatan dijalankan atau permintaan sah yang lain.

## **6. KONFLIK KEPENTINGAN**

- 6.1 Semua keputusan dan tindakan perniagaan oleh Sekutu Perniagaan mestilah dibuat berdasarkan kepentingan yang terbaik untuk Syarikat dan mestilah tidak didorong oleh pertimbangan peribadi atau sebarang perhubungan.
- 6.2 Semua Sekutu Perniagaan adalah diwajibkan untuk mendeklarasikan kepada Syarikat sekiranya terdapat sebarang konflik kepentingan yang sebenar, berpotensi atau disyaki berpunca daripada Personel Sekutu Perniagaan. Situasi konflik kepentingan mungkin berlaku apabila:
  - a) Seseorang atau organisasi yang berkait dengan Sekutu Perniagaan berada dalam posisi dimana manfaat boleh didapati secara langsung atau tidak langsung daripada tindakan Sekutu Perniagaan melalui pelaksanaan yang tidak adil atau tidak diniatkan, mengakibatkan kerosakan atau kerugian kepada Syarikat; atau
  - b) Integriti, objektif atau kesaksamaan Sekutu Perniagaan dalam menjalankan sebarang urusan perniagaan dengan Syarikat terjejas disebabkan kepentingan peribadi atau aturan perniagaan yang bercanggah.
- 6.3 Khususnya semasa proses pembelian atau perolehan, sebarang konflik kepentingan (atau berkemungkinan konflik) melalui hubungan atau persahabatan dengan wakil dari syarikat lain yang dipelawa oleh Syarikat semasa membuat tender bagi mana-mana projek mestilah dideklarasikan kepada Syarikat. Ini termasuklah situasi dimana Sekutu Perniagaan atau Personelnya, mempunyai ahli keluarga atau rakannya yang bekerja di syarikat lain.
- 6.4 Semua jenis konflik kepentingan hendaklah dideklarasikan secara bertulis dalam LAMPIRAN 1 yang dilampirkan Bersama dokumen ini.
- 6.5 Sekiranya terdapat keterangan/bukti atau kecurigaan mengenai perbuatan yang tidak sesuai semasa proses tender atau selepas surat pemberian tender telah disampaikan, perkara tersebut mestilah dilaporkan kepada Syarikat sama ada secara terus atau melalui saluran pemberi maklumat, agar tindakan yang sesuai boleh diambil. Mana-mana laporan yang dibuat dalam hal ini akan dianggap sebagai sulit melainkan diwajibkan untuk didedahkan dari segi undang-undang.

## **7. KOMUNIKASI**

Semasa berurusan dengan Syarikat, Sekutu Perniagaan hendaklah memberikan maklumat yang tepat dan benar. Sekutu Perniagaan hendaklah mengelakkan daripada memberikan tokok tambah, andaian, kesimpulan undang-undang, pendapat/ pandangan dan kata-kata yang merendahkan atau memperincikan karakter mengenai mana-mana orang atau syarikat. Ini termasuklah kepada semua jenis komunikasi seperti emel, nota "tidak rasmi" atau memo. Semua rekod hendaklah sentiasa disimpan dan dimusnahkan mengikut polisi simpanan rekod dan semua keperluan undang-undang Syarikat.

## **8. PESAING**

- 8.1 Syarikat tidak bertolak ansur dengan sesiapa sahaja yang mencuri, memperolehi, mendapatkan atau memiliki mana-mana keempunyaan atau maklumat rahsia dagangan pesaing-pesaingnya. Sekiranya didapati Sekutu Perniagaan telah tersilap mendapatkan maklumat sedemikian, Sekutu Perniagaan hendaklah segera mendapatkan nasihat daripada Jabatan Undang-undang.

8.2 Walaupun Syarikat ingin mendapatkan kelebihan daya saing terhadap pesaing-pesaing kami, Syarikat tidak akan menggunakan kaedah yang menyalahi undang-undang atau tidak beretika untuk mencapai matlamat sedemikian.

## 9. MAKLUMAT SULIT

9.1 Sekutu Perniagaan harus mengakui bahawa ia mungkin memiliki maklumat sulit Syarikat semasa tempoh berurusan dengan Syarikat. Maklumat sulit merujuk kepada mana-mana keempunyaan atau maklumat sulit sama ada ditanda "SULIT" atau sebaliknya, bahawa ia adalah material sensitif untuk kelebihan daya saing atau bernilai kepada Syarikat dan biasanya tidak diketahui oleh orang ramai, termasuk rahsia dagangan, maklumat teknikal atau saintifik, reka bentuk, ciptaan, proses, prosedur, formula, penambahbaikan, maklumat perancangan produk, terma dan syarat perjanjian, strategi pemasaran, maklumat kewangan, maklumat berhubungan dengan operasi, hubungan pengguna dan/atau pelanggan, identiti dan profil pengguna dan/atau pelanggan, jangkaan jualan, pelan perniagaan dan hasil prestasi dalaman yang berkaitan dengan aktiviti perniagaan Syarikat yang lalu, semasa atau masa hadapan serta pengguna, pelanggan, pembekal dan mana-mana yang disebutkan di atas.

9.2 Selaras dengan yang di atas, Sekutu Perniagaan mengaku janji untuk:

- a) Tidak mendedahkan apa-apa maklumat sulit kepada mana-mana penerima yang tidak diberi kuasa atau menggunakan Maklumat Sulit dalam apa jua keadaan tanpa kebenaran bertulis daripada Syarikat; dan
- b) Melindungi semua maklumat sulit, menjaga keselamatannya dan memberikan akses terhad sahaja kepada mereka yang perlu mengetahui maklumat sulit bagi melaksanakan fungsi tugas mereka.

9.3 Obligasi untuk menyimpan maklumat sulit haruslah diteruskan walaupun mana-mana kontrak Sekutu Perniagaan telah tamat ataupun diberhentikan. Sekiranya terdapat konflik antara obligasi kerahsiaan di bawah mana-mana perjanjian bertulis antara Syarikat dengan Sekutu Perniagaan dan obligasi kerahsiaan di bawah Kod ini, obligasi kerahsiaan di bawah perjanjian bertulis akan didahulukan.

## 10. PEMBERIAN MAKLUMAT

10.1 Bagi mempertingkatkan lagi usaha Syarikat ke arah tadbir urus korporat yang lebih baik, Syarikat telah menyediakan saluran yang selamat dan sulit bagi semua Sekutu Perniagaannya untuk melaporkan sebarang perlakuan termasuk sebarang aktiviti fraud, salah laku pekerja, rasuah, pelanggaran etika, kemungkiran kerahsiaan atau mana-mana amalan yang boleh ditafsirkan sebagai pelanggaran mana-mana polisi yang dinyatakan dalam Kod ini dan/atau yang mana tidak selaras dengan standard biasa dan etika perniagaan.

10.2 Syarikat akan memberi perlindungan kesulitan sejauh mana yang munasabah dan perlindungan terhadap tindakan yang merugikan kerana membuat laporan tersebut, kepada sesiapa sahaja yang membuat laporan, aduan atau pendedahan mengenai sebarang rasuah atau korupsi yang sebenar dan/atau disyaki. Perlindungan akan diberikan dengan syarat bahawa laporan, aduan atau pendedahan berkenaan dibuat dengan niat baik.

10.3 Sebarang aktiviti rasuah atau korupsi yang sebenar atau disyaki boleh dilaporkan melalui:

**Pejabat Pengerusi Jawatankuasa Audit**

No. Telefon : 603-9235 2232  
Alamat : d/a Pejabat Pengerusi Lembaga  
Fraser & Neave Holdings Bhd  
No. 1, Jalan Bukit Belimbing 26/38,  
Persiaran Kuala Selangor,  
Seksyen 26, 40400 Shah Alam,  
Selangor Darul Ehsan, Malaysia  
Emel : [whistleblowing@fn.com.my](mailto:whistleblowing@fn.com.my)

10.4 Butiran lanjut adalah dinyatakan dalam Polisi Pemberian Maklumat Syarikat. Kod ini berserta Polisi Pemberian Maklumat dan Dasar Anti-Rasuah boleh didapati di laman web umum Syarikat di [www.fn.com.my/investors/#corporate-governance](http://www.fn.com.my/investors/#corporate-governance).

**11. INTERAKSI DENGAN PELANGGAN DAN MEDIA**

11.1 Syarikat telah melaburkan banyak masa dan sumber bagi membina hubungan jangka panjang dengan pelanggan-pelanggannya. Sehubungan dengan itu, semua Sekutu Perniagaan perlulah setiap masa:

- a) Mengamalkan standard profesionalisme, kejujuran dan integriti tertinggi semasa berinteraksi dengan pelanggan Syarikat termasuk memastikan bahawa semua bahan pemasaran adalah tepat, benar dan sah;
- b) Memastikan bahawa produk atau perkhidmatan mereka tidak merosakkan reputasi Syarikat; dan
- c) Memastikan respon yang profesional dan konsisten diberikan semasa diminta untuk berurusan dengan pihak media, sebarang permintaan daripada pihak media seharusnya disalurkan kepada Jabatan Komunikasi dan Hal Ehwat Korporat Syarikat;
- d) Mendapatkan persetujuan bertulis daripada Syarikat sebelum mendedahkan apa-apa maklumat kepada pihak media atau orang luar.

**12. KETIDAKPATUHAN DAN SIASATAN**

Tanpa prejudis kepada hak-hak atau remedi-remedi lain Syarikat yang sedia ada, apa-apa ketidakpatuhan atau pelanggaran terhadap Kod ini atau mana-mana undang-undang yang digunapakai boleh mengakibatkan penggantungan atau penamatan hubungan dan kontrak dengan Sekutu Perniagaan. Selain itu, Sekutu Perniagaan tersebut juga mungkin mengalami kehilangan akses keistimewaan, diberikan penilaian prestasi yang tidak memuaskan, sekatan, akauntabiliti dalam mahkamah undang-undang, sivil dan pendakwaan jenayah.

**13. KEMAMPANAN PERNIAGAAN MELALUI KOD AMALAN PEMBEKAL (SCOP)**

13.1 Syarikat berkomited dalam menjalankan urus niaga yang efektif di bawah pengelolaan terbaik, sebagai asas atau dasar dalam pembangunan mampan dan pengiktirafan daripada semua masyarakat, di samping mengamalkan standard etika yang tertinggi dalam pengurusan pembelian dan perolehan. Kod Amalan Pembekal atau *Supplier Code of Practice* (SCOP) merupakan satu panduan yang disediakan oleh Syarikat kepada Sekutu Perniagaan yang merangkumi aspek etika perniagaan, pengurusan alam sekitar, hak asasi manusia dan keselamatan & kesihatan pekerjaan. Syarikat mengharapkan Sekutu Perniagaan dapat memberikan komitmen yang tinggi kerana kami percaya, kita mampu bersama-sama merealisasikan pertumbuhan syarikat yang lebih kuat dan stabil, selaras dengan prinsip pembangunan mampan dan mewujudkan masyarakat dan persekitaran yang lebih baik.

- 13.2 **Pengurusan Alam Sekitar;** Sekutu Perniagaan adalah diharapkan dapat menjalankan urus niaga tanpa mengabaikan tanggungjawab terhadap alam sekitar.
- a) Pencemaran - Sekutu Perniagaan hendaklah menjalankan urus niaga secara berhemah tanpa mencemarkan alam sekitar seperti pencemaran atau kebocoran bahan kimia yang mampu membahayakan nyawa dan menjejaskan ekosistem. Sekutu Perniagaan juga hendaklah mempunyai pelan perancangan untuk meminimumkan impak negatif terhadap masyarakat setempat dan alam sekitar.
  - b) Penggunaan Sumber - Sekutu Perniagaan hendaklah mempunyai dasar-dasar atau pelan yang mengoptimumkan penggunaan sumber sedia ada dalam proses rantai pembekalan.
  - c) Sistem Pengurusan - Sekutu Perniagaan hendaklah mempunyai sistem pengurusan alam sekitar yang bersesuaian dengan piawaian antarabangsa ataupun pihak berkuasa tempatan. Sekutu Perniagaan juga diharapkan dapat menyediakan 'environmental impact assessments' atau penilaian kesan terhadap alam sekitar.
  - d) Bahan Buangan - Sebelum pembuangan, pelupusan atau pelepasan bahan buangan, Sekutu Perniagaan hendaklah mengurus dan memisahkan sisa-sisa bahan buangan berbahaya dengan betul seiring dengan peraturan yang disediakan oleh pihak berkuasa tempatan.
- 13.3 **Hak Asasi Manusia;** Sekutu Perniagaan adalah diharapkan dapat melayan secara adil dan penuh hormat kepada semua pekerja, seiring dengan undang-undang pekerjaan sedia ada.
- a) Buruh Kanak-kanak - Sekutu Perniagaan tidak dibenarkan untuk terlibat atau menyokong penggunaan pekerja bawah umur (buruh kanak-kanak).
  - b) Kesaksamaan - Sekutu Perniagaan hendaklah melayan secara adil kepada semua pekerja tanpa mengira perbezaan fizikal atau mental, jantina, kewarganegaraan, bangsa, kepercayaan dan lain-lain.
  - c) Pembangunan Modal Insan - Sekutu Perniagaan hendaklah memastikan setiap pekerja diberikan latihan yang mencukupi berkaitan peranan dan tanggungjawab yang telah diamanahkan.
  - d) Pemberhentian Pekerja - Pelan pemberhentian pekerja hendaklah bersesuaian dengan undang-undang pekerjaan sedia ada dan pampasan haruslah dibayar secara adil kepada pekerja yang terlibat.
  - e) Pendapatan dan Faedah - Sekutu Perniagaan hendaklah memastikan pendapatan dan faedah termasuklah pampasan serta ganjaran kepada pekerja adalah bersesuaian dengan undang-undang pekerjaan sedia ada.
  - f) Waktu Pekerjaan - Sekutu Perniagaan adalah tidak dibenarkan memaksa pekerjaanya bekerja melebihi waktu pekerjaan maksimum seperti yang termaktub dalam undang-undang pekerjaan sedia ada.
- 13.4 **Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan;** Sekutu Perniagaan adalah diharapkan dapat menyediakan tempat pekerjaan yang selamat dan bersih, seiring dengan undang-undang sedia ada.
- a) Suasana Pekerjaan - Sekutu Perniagaan hendaklah menyediakan tempat pekerjaan yang selamat dan bersih, serta memastikan para pekerja mempunyai latihan dan peralatan perlindungan diri (PPE) yang sesuai dan mencukupi. Sekutu Perniagaan juga hendaklah menyediakan 'mitigation plan' atau pelan perancangan kecemasan bagi mengurangkan potensi kemalangan dan kerugian.
  - b) Kemalangan dan Penyakit - Sekutu Perniagaan hendaklah menyediakan pelan pencegahan dan pemulihan yang dapat membantu pekerja ketika dilanda kemalangan ataupun berpenyakit. Rekod-rekod berkaitan haruslah disimpan sebagai dokumen sokongan, seiring dengan keperluan undang-undang sedia ada.



**14. PEMATUHAN KEPADA KEPERLUAN KESELAMATAN MAKANAN SEMASA PEMBESALAN BARANGAN DAN/ATAU PERKHIDMATAN KE DALAM PREMIS-PREMIS F&N**

Bagi mematuhi keperluan Keselamatan Makanan seperti termaktub dalam Garis Panduan Umum MS 1500:2019 dalam Makanan halal – Keperluan Umum (Semakan Ketiga), Majelis Ulama Indonesia HAS 23000 dalam Pensyaratan Sertifikasi Halal, ISO 22000 dan FSSC 22000 dalam Standard Keselamatan Makanan, semasa pembesalan barangan dan/atau perkhidmatan ke dalam premis-premis F&N, Sekutu Perniagaan haruslah:

- a) Tidak membawa bahan atau barangan yang mengandungi bahagian atau produk haiwan yang tidak Halal kepada orang Islam di bawah undang-undang Syariah atau produk haiwan yang tidak disembelih mengikut undang-undang Syariah ke dalam premis F&N;
- b) Tidak membawa bahan atau barangan yang diperbuat daripada khinzir atau unsur-unsurnya ke dalam premis F&N;
- c) Tidak membawa bahan atau barangan yang mengandungi bahagian manusia atau unsur-unsurnya yang tidak dibenarkan oleh undang-undang Syariah ke dalam premis F&N;
- d) Tidak membawa bahan atau barangan yang mengandungi khamr (minuman beralkohol) atau unsur-unsurnya ke dalam premis F&N;
- e) Memaklumkan wakil F&N untuk sebarang bahan kimia bukan makanan dan bahan berbahaya lain yang diperlukan untuk kegunaan di kilang pembuatan;
- f) Tidak merokok di dalam pejabat, bilik air, kilang pembuatan dan gudang. Sekiranya diperlukan, sila rujuk kepada wakil F&N untuk kawasan merokok yang telah ditentukan.
- g) Tidak menyimpan bahan atau barangan kita (termasuklah tetapi tidak terhad kepada pembungkusan, ramuan, bahan mentah dan barang siap) dengan bahan atau barangan yang tak halal.

**15. SEMAKAN DAN PINDAAN**

Syarikat berhak untuk meminda, mengemas kini atau mengganti Kod ini atau mana-mana bahagiannya dari masa ke semasa berdasarkan keperluan perundangan dan lain-lain keadaan. Sekiranya terdapat pindaan atau penggantian ke atas Kod ini, pindaan atau penggantian tersebut haruslah dipatuhi oleh semua pihak ketiga, Sekutu Perniagaan dan Personelnya.

## LAMPIRAN 1

---

**PENGAKUAN & DEKLARASI**

---

**Bahagian A: Ikrar Integriti**

Kami/saya telah meneliti dan bersetuju untuk mematuhi peruntukan-peruntukan Dasar Anti-Rasuah dan Kod Amalan Perniagaan Bagi Pihak Ketiga (Pembekal) kumpulan Syarikat Fraser & Neave Holdings Bhd ("**Syarikat**").

Kami/saya berikrar dan berjanji bahawa:

1. Kami/saya telah menerima dan akan mematuhi Dasar Anti-Rasuah dan Kod Amalan Perniagaan Bagi Pihak Ketiga (Pembekal) dan akan menyampaikan semua syarat yang berkaitan kepada para pekerja saya dan semua orang yang bertindak bagi pihak saya/kami berhubung dengan kerja bagi Syarikat, termasuk agen-agen atau subkontraktor (jika ada);
2. Kami/saya akan melengkapkan Borang Deklarasi Konflik Kepentingan dalam Kod Amalan Perniagaan Syarikat Bagi Pihak Ketiga (Pembekal) di mana terdapat sebarang konflik kepentingan yang sebenar, berkemungkinan atau disyaki, termasuk sebarang konflik kepentingan sebenar, yang berpotensi atau disyakit yang wujud berkaitan dengan kerja kami/saya untuk Syarikat;
3. Kami/saya tidak akan melakukan sebarang perbuatan rasuah atau korupsi dalam semua aktiviti perniagaan di bawah kawalan kami/saya dan akan mematuhi semua undang-undang anti-rasuah dan anti-korupsi termasuk Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 dan Kanun Keseksaan;
4. Kami/saya telah melaksanakan atau akan melaksanakan polisi, prosedur atau langkah-langkah kawalan anti- rasuah yang mematuhi semua undang-undang anti-rasuah dan anti-korupsi yang boleh digunapakai;
5. Kami/saya telah dimaklumkan tentang saluran pemberitahuan maklumat dan akan melaporkan mana-mana perbuatan rasuah atau korupsi dalam semua aktiviti dan perhubungan perniagaan kepada Syarikat yang datang ke pengetahuan kami/saya sama ada melalui:

**Pejabat Pengerusi Jawatankuasa Audit**

No. Untuk Dihubungi : 603-9235 2232  
Alamat : c/o Pejabat Pengerusi Lembaga  
Fraser & Neave Holdings Bhd  
No. 1, Jalan Bukit Belimbing 26/38,  
Persiaran Kuala Selangor,  
Seksyen 26, 40400 Shah Alam,  
Selangor Darul Ehsan, Malaysia  
Emel : [whistleblowing@fn.com.my](mailto:whistleblowing@fn.com.my)

Kami/saya seterusnya mengulangi bahawa perjanjian kami/saya tidak akan mempertanggungjawabkan Syarikat bagi sebarang kerugian atau kerosakan apa jua yang kami/saya subkontraktor atau ejen-ejen kami mungkin alami yang berkaitan dengan penamatan hubungan kami dengan Syarikat yang berpunca daripada pelanggaran kami/saya terhadap Dasar Anti-Rasuah Syarikat, Kod Amalan Perniagaan Bagi Pihak Ketiga (Pembekal) dan/atau mana-mana undang-undang anti-rasuah yang boleh digunapakai.

**Bahagian B: Pengakuan Kod Amalan Pembekal**

Kami/saya dengan ini mengesahkan bahawa kami/saya telah meneliti dan bersetuju akan syarat-syarat yang termaktub dalam Kod Amalan Pembekal, dan kami/saya akan memastikan pematuhan yang sepenuhnya. Sekiranya terdapat isu ketidakpatuhan, pihak kami/saya akan menyediakan Pelan Tindakan Pembetulan atau *Corrective Action Plans* sekiranya diminta oleh pihak Syarikat. Kami/saya memahami permintaan dan jangkaan Syarikat adalah untuk memastikan pihak kami/saya berkemampuan dalam pengurusan dan pembangunan pembekal. Sekiranya terdapat isu ketidakpatuhan dan pihak kami/saya tidak mampu menangani isu tersebut, kami/saya sedia maklum akan pelan tindakan yang bakal diberikan oleh pihak Syarikat.

**Bahagian C: Pengakuan Keperluan Keselamatan Makanan**

Kami/saya dengan ini mengesahkan bahawa kami/saya telah meneliti dan bersetuju dengan keperluan mengenai Keselamatan Makanan dan kami/saya berkomited untuk memastikan bahawa keperluan tersebut dipenuhi setiap masa. Sekiranya syarat tersebut tidak dipatuhi pada bila-bila masa dengan apa jua alasan, perkara yang sama akan dianggap sebagai pelanggaran komitmen yang ketara, tanpa prejudis ke atas sebarang tindakan dikenakan terhadap kami/saya, Syarikat berhak untuk menghentikan sementara pembekalan dan/atau perkhidmatan daripada kami/saya, dan menuntut ganti rugi daripada kami/saya. Di samping itu, kami/saya akan membenarkan Syarikat dan/atau pihak berkuasa yang berkenaan untuk melakukan pemeriksaan untuk memastikan bahawa keperluan tersebut dipatuhi.

**Bahagian D: Deklarasi Konflik Kepentingan**

Kami/saya mendeklarasikan bahawa kami/saya tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dengan mana-mana perniagaan dengan Syarikat F&N, sama ada secara terus atau tidak terus, termasuk tetapi tidak terhad kepada kontrak-kontrak bekalan atau jualan barangan dan perkhidmatan kepada atau daripada Syarikat F&N dan berhubungan dengan aktiviti komersil Syarikat F&N di mana sahaja ia beroperasi.

Sekiranya kami/saya atau mana-mana daripada rakan sekutu atau ahli keluarga saya, berniat atau akan terlibat dengan perniagaan Syarikat F&N, atau mempunyai kepentingan kewangan, adalah menjadi tanggungjawab kami/saya untuk mendeklarasikan seperti berikut sesiapa yang mempunyai hubungan terus atau tidak terus dengan Syarikat F&N, seperti yang ditetapkan dalam klausa 6 Konflik Kepentingan:

Nama Syarikat	Jenis Perniagaan	Orang Yang Perlu Dihubungi	Nombor Untuk Dihubungi	Hubungan	Jenis Konflik
_____	_____	_____	_____	_____	_____
_____	_____	_____	_____	_____	_____
_____	_____	_____	_____	_____	_____
_____	_____	_____	_____	_____	_____

Kami/saya juga dengan ini bersetuju untuk Syarikat F&N menggunakan maklumat di atas bagi mendapatkan pertanyaan lanjut di mana saja Syarikat F&N anggap sesuai. Sekiranya terdapat sebarang konflik kepentingan yang mungkin berbangkit kemudian, kami/saya akan mendeklarasikan maklumat ini kepada Jabatan Perolehan Syarikat F&N.

Name Personel yang Diberi Kuasa :		Cop Rasmi Syarikat :
Jawatan :		
Tarikh :		
Tandatangan :		

*Nota: Sila emelkan dokumen yang telah ditandatangani kepada [procurement@fn.com.my](mailto:procurement@fn.com.my).*



**FRASER & NEAVE HOLDINGS BHD**

(Group No. 4205-V)



# **HUMAN RIGHTS POLICY**

**VERSION 1**  
**April 2022**

## Principles & Rationales

Fraser & Neave Holdings Bhd and its subsidiaries (“**F&NHB**”) operate their business with integrity, honesty, fairness and full compliance with all applicable laws. F&NHB adheres to the principles and provisions of the Code of Corporate Governance 2018 as well as to F&NHB’s “[Code of Business Ethics & Conduct](#)”. We are committed to taking responsibility for our impact on society and treating all of our stakeholders with dignity, respect, fairness without discrimination, and consideration for their human rights. Our stakeholders include employees, business partners, suppliers and communities throughout our value chain. We believe that to enhance our business sustainably and to contribute positively to the society, it is crucial to respect the human rights and the relevant principles of all stakeholders in our value chain.

To promote and respect the rights of all stakeholder groups, we established F&NHB’s Human Rights Policy that upholds under domestic and international laws, rules, and regulations. The Human Rights Policy was developed to align with the related human rights principles under the international standards, including the United Nations Universal Declaration of Human Rights, as well as the United Nations Guiding Principles on Business and Human Rights (“**UNGP**”), United Nations Global Compact, and the International Bill of Human Rights and The International Labour Organisation’s Declaration on Fundamental Principles and Rights at Work.

## Definitions

<b>The Company</b>	Refers to F&NHB, and subsidiaries where the Company holds more than 50% of their shares and has management control.
<b>Employees</b>	Refers to all employees who work under an employment contract with the Company, covering all positions.
<b>Suppliers</b>	Refers to contractors, sub-contractors, manufacturers, primary producers, importers/ merchants, and professional service providers.
<b>Business Partners</b>	Refers to agents, joint venture partners and customers.

## Scope of the Policy

F&NHB's Human Rights Policy applies to all activities (i.e. direct activities, products, or services), as well as to all of F&NHB's directors, executive officers, employees, and all business operations and associated activities. The Company's suppliers and business partners are expected and strongly encouraged to support and align with our Human Rights Policy and commitments, where applicable.

Moreover, we extend these expectations and commitments throughout the Company's value chain, to all relevant stakeholders and affected rights holders, including:

- customers
- local communities
- the Company's indirect employees (i.e. third-party contracted labour)
- vulnerable groups (i.e. women, pregnant women, children, indigenous people, foreign/ migrant workers, local communities, minority groups, refugees, stateless individuals, disabled people, elderly, and LGBTQI+ identifying individuals).

F&NHB's human rights commitments include:



Prohibition of child labour, forced labour, human trafficking, and discrimination and harassment.



Respecting and promoting fairness, diversity, the right to freedom of association and collective bargaining, and fair remuneration.



Respecting and promoting fair working conditions, addressing the elimination of excessive working hours and supporting the right to a minimum or living wage, where required by the country's regulation.



Respecting and promoting health and safety, data privacy and the environment of our stakeholders.

We expect all our stakeholders to be aware and align with these human rights commitments, where applicable.

## Practices & Guidelines of the Policy

To meet our human rights commitment, F&NHB effectively oversees our human rights management, and performance through the Company’s Human Rights Due Diligence (“**HRDD**”), which is in-line with UNGP’s human rights framework.

As part of the HRDD, we conduct a Human Rights Risk Assessment (“**HRRA**”) for all own operations and its associated activities in our value chain. The scope of the HRRA aligns with the scope of F&NHB’s Human Rights Policy. The risk assessment covers all previously mentioned stakeholders, rights holders, and vulnerable groups at risk of human rights violations, as well as, the human rights issues outlined in our commitments.

Moving forward, we aim to progressively incorporate this to all of our existing operations.



**EMPLOYEE  
PRACTICES**



**SUPPLIER  
PRACTICES**



**BUSINESS PARTNER  
PRACTICES**



**COMMUNITY &  
ENVIRONMENTAL  
PRACTICES**



## Employee Practices



Our human rights commitments have been incorporated into all aspects of our Human Capital management. We ensure respect of human rights for all of our employees through incorporation of human rights aspects into our Code of Business Conduct. This includes respect for human dignity, human rights for every person, and zero tolerance for discrimination, whether due to differences in ethnicity, race, nationality, gender, language, age, skin colour, physical status, religion, political view, education, social status, culture, tradition, union membership, gender identity or any other status which is considered to be a human right.

F&NHB is committed to ensuring that all workers are treated fairly in hiring and other working practices, such as job applications, promotions, job assignments, training, wages, benefits, and termination. We are also committed to fostering, cultivating, and preserving the culture of diversity and inclusion across the businesses and in all working levels. We aim to attract and retain talent from all backgrounds.

F&NHB is committed to fair remuneration for all employees and to the right to freedom of association and collective bargaining. The Company is compliant with local laws and when applicable, meeting international standards, including the prohibition of child and forced labour, and other illegal forms of labour.

F&NHB sets high standards for safety, occupational health, and the working environment. The Company ensures effective health & safety policies are up-to-date and effective in order to prevent accidents, injuries, and work-related illnesses arising from business activities in accordance with the standards imposed by applicable laws and international standards.

F&NHB has established easily accessible reporting channels (as stated in the Whistleblowing Policy and Grievance Policy) for employees to report and feedback on issues. They are encouraged to report any form of human rights violations arising from the Company's business operations through those reporting channels. As specified in the [F&NHB's Whistleblowing Policy](#), we shall protect, support and treat any whistle-blower fairly.

F&NHB will establish awareness building and training to employees to understand their roles, duties, and responsibilities related to human rights and to perform their duties in accordance with our human rights commitments and guidelines.

## Supplier Practices



F&NHB commits to fair treatment for all suppliers without discrimination. We communicate and support suppliers and business partners to do business with ethics, respect for human rights of others and treating others fairly.

We expect and encourages all suppliers to conduct their business in accordance with our commitments on human rights, including promoting the right to freedom of association and collective bargaining, addressing the elimination of excessive working hours and supporting the right to a minimum or living wage, where required by the country's regulation, and animal welfare, and to adhere to the principles of fair and business ethics, as well as applicable laws and regulations. Child and forced labour, and other illegal forms of labour are strictly prohibited.

Our Sustainable Procurement Policy and sourcing practices cover our full commitment to standard principles of ethical business practices throughout the supply chain, and to adhere to guidelines and principles of fair play and transparency. Our sourcing practices take into consideration environmental, social, governance, and economic factors in our suppliers' selections. We also focus on local sourcing to contribute to local economic development when applicable.

Our [Supplier Code of Practice](#) outlines our commitments and expectations for suppliers relating to business ethics, environmental management, health and safety, and human rights. We encourage and support our suppliers to have appropriate measures in place for preventing, mitigating, managing, and remedying the human rights violations potentially arising from their business operations. Any forms of human rights violations found shall be addressed and will not be ignored by the Company.

## Business Partner Practices



F&NHB commits to fair treatment for all business partners without discrimination. We expect our business partners to align with our Human Rights Policy, and any relevant human rights laws, practices, and standards, where applicable.

We also encourage our business partners to apply our human rights commitments in their management approaches. We ensure that our customers receive products and services that are of good quality, safe, fair and equitable pricing and promote health and nutrition.

## Community & Environmental Practices



F&NHB commits to ensuring that our operations and business activities produce no direct human rights violations for surrounding communities and the environment.

We operate our businesses responsibly through giving considerations towards potential impacts on communities and the surrounding environment. The Company has established an Environmental Policy as well as management guidelines for conducting business activities and minimising environmental impacts as much as applicable. We aim to strengthen positive relationships with all stakeholders, and for fair and transparent treatment of stakeholders to prevent any violations of their human rights.

F&NHB continuously tracks, monitors, and assesses our human rights risks, and have developed whistleblowing and complaint/feedback channels where inputs on issues and concerns related to human rights violations can be submitted. We will communicate and educate employees on our human rights practices. We promote and support cooperation from all directors, executives, employees, and all groups of stakeholders within the business value chain in reporting on any forms of human rights suspicions, incidents, and violations arising from the business operations through the Company's established and dedicated channels.

The results from these channels will be used to consider any improvements, and to develop appropriate mitigation and remediation measures. We evaluate the implementation on human rights policies and mitigation measures, according to the tracking and monitoring processes. A person who has committed a violation of human rights will be subjected to the disciplinary action process, and punished according to the Conduct and Discipline section in the F&NHB's Human Capital Handbook. If such violation is against the applicable laws, legal proceedings may also be initiated.

We are determined to conduct the HRDD process regularly to identify/ review and evaluate any risks and impacts relating to a violation of human rights caused by the Company's business operations and associated activities. Our Human Rights Performances will be reported annually in our Sustainability Report.



This Human Rights Policy Statement consolidates the existing human rights commitments reflected in our existing corporate commitments, control and procedures, processes, and management approaches.